



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



SIARAN MEDIA

PSIS TERUS MEMPERKASA GRADUAN TVET MELALUI KOLABORASI STRATEGIK BERSAMA INDUSTRI DAN NGO

SUNGAI LANG, 10 SEPTEMBER 2025 – Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) terus mengorak langkah ke hadapan dalam memperkasa graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) apabila berjaya memeterai kolaborasi strategik bersama empat rakan industri dan dua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam Majlis Perasmian Penutupan Karnival Harta Intelek PolyCC 2025 hari ini.

Majlis Penyerahan Sijil Kolaborasi dan Nota Kolaborasi tersebut menyaksikan kerjasama rasmi dimeterai antara PSIS dengan empat rakan industri iaitu ADA Architects, Marrybrown, Kelantan Biotech Corporation, dan Jabatan Pertanian Sabak Bernam. Turut hadir memeriahkan majlis ialah dua NGO, iaitu Yayasan Raja Muda Selangor (YRMS) dan International Cultural Communication Center Malaysia (ICCCM).

Kolaborasi ini meliputi pelbagai aspek penting termasuk pembangunan pelajar, Structured Internship Program (SIP), Latihan Industri (LI) serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) bersama. Inisiatif ini bukan sahaja akan memperluaskan jaringan industri PSIS, malah memberi ruang yang lebih luas kepada pelajar untuk meneroka pengalaman dunia sebenar serta meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Kerjasama strategik ini juga dilihat sebagai langkah proaktif dalam memperkukuh imej serta nilai TVET sebagai laluan pendidikan arus perdana. PSIS yakin bahawa melalui sokongan kukuh daripada rakan industri dan NGO, TVET kini bukan lagi dianggap sebagai pilihan kedua, sebaliknya telah menjadi pilihan utama bagi membina kerjaya yang mampan, berdaya saing dan memenuhi keperluan sebenar pasaran kerja.

Majlis penyerahan telah disempurnakan oleh Pengarah Politeknik Sultan Idris Shah, Puan Haslinda Abd Hamid, dan disaksikan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Dr. Shahiza Ahmad Zainuddin.

-TAMAT-

**POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
10 SEPTEMBER 2025**

*Dikeluarkan oleh:
Unit Perhubungan dan Komunikasi Korporat
Politeknik Sultan Idris Shah*

Telefon: 03-32806200/017-4169854